

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA  
JALAN YONG SHOOK LIN,  
46675 PETALING JAYA.**

Telefon : 03-79563544

---

Ruj. Kami : MBPJ/010103(U)/S/M9/1 Jld. 2 ( 77 )

**MINIT MESYUARAT MAJLIS  
(PENGGAL 2014/2014-2015)  
BILANGAN 6 TAHUN 2014**

<b>Tarikh</b>	: 23 Julai 2014 (Rabu)
<b>Masa</b>	: 10.00 Pagi – 12.33 Petang
<b>Tempat</b>	: Dewan Bunga Tanjung, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.
<b>Hadir</b>	: Seperti dilampirkan kehadiran

---

### 1. DOA

Doa telah dibacakan oleh Encik Mohamad Rosnani bin Haji Hamid, Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

### 2. TAYANGAN VIDEO

2.1 Tayangan video korporat daripada Unit Perhubungan Awam mengambil masa selama 15 minit yang memaparkan aktiviti-aktiviti Majlis dan Ahli Majlis sepanjang bulan Jun dan Julai tahun 2014.

### 3. PERUTUSAN DATUK BANDAR

Sebelum menyampaikan perutusan, YBhg. Datin Paduka Mesyuarat merakamkan ucapan takziah kepada ahli keluarga penumpang dan anak kapal pesawat MH17 yang terhempas di Ukraine. Semoga dalam situasi tragedi yang menyedihkan ini, kita sama-sama mendoakan agar mereka tabah menghadapi keadaan yang sukar ini. Marilah kita sedekahkan Al-Fatihah bagi yang beragama Islam, yang lain-lainnya mengikut cara masing-masing.



### KAJIAN THE MOST LIVABLE CITIES INDEX

Menurut Monocle yang membuat kajian ke atas The Most Liveable Cities Index tahun 2014, Copenhagen, Tokyo dan Melbourne merupakan antara 25 bandar raya yang paling sesuai didaya huni. Kajian ini mengambilkira aspek pengangkutan awam, kadar jenayah, pembelajaran, kesinambungan dalaman, perubahan iklim, kualiti senibina, tolak-ansur, isu alam sekitar, suasana perniagaan, dasar yang pro-aktif dan kemudahan perubatan serta kesihatan.

Kajian ini berbeza dengan Livability Ranking oleh Mercer dan juga Quality of Living Survey yang dijalankan oleh EIU terutamanya dari segi persampelan dan juga perincian kaji selidik yang dijalankan. Kajian ini mendapati bandar raya Copenhagen, Denmark menawarkan peluang kepada individu untuk menjalani gaya hidup hijau dan berlandaskan kepada prinsip kesaksamaan hak asasi manusia manakala Tokyo pula melihatkan keunikan kosmopolitan ini menggabungkan kemodenan dan nilai warisan sejarah secara harmoni.

Kedua-dua bandar tersebut menunjukkan ***principle of people at the centric of development and city with soul*** diberi penekanan. Kedua-dua aspek tersebut memerlukan proses kejuruteraan sosial yang rapi, menyeluruh dan berjangka masa panjang. Ke arah menjadi Petaling Jaya sebagai sebuah bandar raya berdaya huni menjelang tahun 2030, elemen-elemen keperimanusiaan ini dalam pencelahan pembangunan moden hendaklah diberi tumpuan juga.

### 3.2 KAJIAN GOOD COUNTRY INDEX 2014

Kajian ***Good Country Index*** 2014 oleh Anholt ke atas 125 buah Negara meletakkan Malaysia di tangga ke-58 manakala negara Ireland, Finland dan Switzerland merupakan 3 negara yang menduduki 3 tangga teratas. Indeks ini mengukur sumbangan setiap negara ke atas keperimanusiaan dan apa yang negara tersebut terambil daripada Bumi menerusi 35 set data yang diperolehi daripada Bangsa-Bangsa Bersatu dan organisasi lain. Negara telah dinilai dari segi sumbangan sebagai pengkredit bersih ataupun bebanan kepada Bumi ataupun antara kedua-duanya dalam 7 kategori, iaitu sains dan teknologi, kebudayaan, keamanan dan keselamatan antarabangsa, kedudukan di dunia, Bumi dan cuaca, kekayaan dan kesaksamaan serta kesihatan dan kemakmuran.

Daripada 7 kategori tersebut, kedudukan Malaysia dalam kekayaan dan kesaksamaan adalah paling tinggi, iaitu tangga ke-10 berbanding dengan sains dan teknologi di tangga ke 49,

kebudayaan nombor ke 28 dan kesihatan serta kemakmuran pada tangga ke-91. **Good Country Index** berbeza dengan banyak indeks lain kerana pengukurannya adalah berdasarkan kepada tindakan dan sumbangan sesebuah negara ke atas insan merentasi dunia dan tidak terhad kepada isu tempatan saja. Ini adalah penting terutamanya dalam era globalisasi ini, banyak cabaran dan isu adalah berhubung-kait dan tiada kenal sempadannya.

Majlis boleh mengambil iktibar daripada Indeks ini kerana aliran dan corak pembangunan setempat Petaling Jaya yang mirip kepada kosmopolitan dijangka turut mempunyai impak ke atas kawasan persekitaran lain.

### **3.3 PROJEK PEMBINAAN TEMPAT LETAK KERETA “PARK N RIDE” DI ATAS TANAH RENTIS ELEKTRIK BERHAMPIRAN STESEN LRT DI SEKITAR KAWASAN PETALING JAYA**

Majlis telah mengenalpasti dan merancang pembinaan kemudahan tempat letak kereta di atas tanah tapak rentis elektrik berhampiran stesen-stesen LRT di sekitar Petaling Jaya khusus bagi menampung kekurangan tempat letak kereta di stesen-stesen LRT di samping untuk mengurangkan masalah meletak kenderaan secara tidak sah di kawasan-kawasan perumahan dan kawasan komersil yang menyebabkan kacau ganggu dan kesesakan lalulintas di kawasan-kawasan terlibat.

Ke arah itu, bagi merealisasikan matlamat Petaling Jaya sebagai bandar raya berdayahuni, Majlis telah melaksanakan projek “Park n Ride” di terminal pengangkutan awam sebagai strategi menggalakkan lebih ramai pemandu kenderaan menggunakan pengangkutan awam dan tidak membawa kenderaan persendirian ke Pusat-pusat Bandar di Petaling Jaya khususnya.

Majlis telah mendapat kelulusan TOL di empat tapak rentis elektrik berhampiran stesen LRT dengan kos bayaran tahunan TOL sebanyak RM2,424,045.18 mengikut pecahan berikut:-

- |                                       |   |                |
|---------------------------------------|---|----------------|
| i. Asia Jaya seluas 10.46 ekar        | - | RM 619, 536.80 |
| ii. Taman Paramount seluas 15.69 ekar | - | RM 929, 305.00 |
| iii. Taman Bahagia seluas 13.67 ekar  | - | RM 809, 662.34 |
| iv. Kelana Jaya seluas 7.86 ekar      | - | RM 65, 541.04  |

Projek pembinaan tempat letak kereta di Stesen LRT Asia Jaya telah dimulakan sejak 22 November 2013 yang lalu dan kerja-kerja pembinaan telah siap sepenuhnya pada 20 Jun 2014. Antara kemudahan-kemudahan yang disediakan adalah 595 petak letak kereta biasa, 12 petak letak kereta untuk Orang Kelainan

Upaya dan siar kaki berbumbung. Tempat letak kereta tersebut telahpun dibuka untuk kegunaan orangramai.

Majlis telah mengadaptasikan pendekatan “Green City” dalam projek ini dengan kaedah “infiltration” pada petak-petak letak kereta menggunakan “grass crete pavers” dan sistem perparitan jenis “swale”. Kerja-kerja landskap dan pembinaan wakaf juga akan dijalankan secara berasingan dan bakal disiapkan tidak lama lagi.

Projek pembinaan tempat letak kereta di Stesen LRT Taman Paramount yang melibatkan penyediaan sebanyak 347 petak letak kereta dan Taman Bahagia dengan 500 petak letak kereta dijangka akan dimulakan pada Oktober 2014. Kedua-dua projek ini dijangka siap pada April 2015. Manakala, projek pembinaan tempat letak kereta di Stesen LRT Kelana Jaya akan dilaksanakan sendiri oleh Syarikat Prasarana Negara Berhad.

#### **3.4 MEMUPUK KESEDARAN KITAR SEMULA DI KALANGAN MASYARAKAT**

Amalan kitar semula adalah menguntungkan bukan sahaja dari perspektif ekonomi dan kewangan malah pemeliharaan alam sekitar. Majlis telah mengutip dan melupuskan sejumlah 144,887.38 tan sampah sepanjang tahun 2013. Dalam erti kata lain, sebanyak purata 206.98 kilogram sampah daripada setiap penduduk setiap tahun. Kos pengurusan sisa pepejal yang dibelanjakan adalah RM52.6 juta setahun ataupun RM75.13 seorang.

Menurut Pelan Strategik Pengurusan Sisa Pepejal Negara, kadar kitar semula pada masa kini adalah 5% sahaja dan dijangka akan meningkat kepada 22% menjelang tahun 2020. Dengan mengambil angka ini sebagai andaian di peringkat MBPJ, maka ini bermakna sekiranya kita dapat mencapai sasaran 22%, Majlis telah mengurangkan pengutipan sebanyak 31,875.22 tan sampah dan penjimatan sejumlah RM11.6 juta setahun.

Ke arah tersebut, program 3R telah menjadi tonggak utama dalam strategi pengurusan sisa pepejal Majlis. Program kitar semula di MBPJ sudah dijalankan sejak 1990 dengan kerjasama penduduk dan syarikat swasta. Sehingga bulan Jun 2014 Majlis telah mengumpulkan sebanyak 486,807.5 kilogram bahan kitar semula di samping 10,789.35 kilogram minyak masak terpakai untuk dikitar semula menjadi biodiesel. Sasaran tahun ini MBPJ menjangkakan sebanyak 800,000 kilogram barang kitar semula dan 30,000 kilogram minyak masak dikumpul daripada sekolah, persatuan penduduk, restoran dan tidak ketinggalan jabatan dalaman MBPJ untuk menjayakan program ini.

Untuk kemudahan orang ramai MBPJ juga telah menempatkan tong-tong kitar semula di 56 lokasi terpilih sekitar Petaling Jaya seperti sekolah-sekolah, jabatan kerajaan, universiti, hotel dan sebagainya di samping lori-lori kempen kitar semula di lokasi-lokasi yang dikenalpasti secara berkala iaitu di PJU5/3 dan SS2/60.

Sebagai langkah proaktif bagi mendidik masyarakat melaksanakan kitar semula, Majlis menggalakkan penggunaan pembungkus makanan yang boleh di kitar semula seperti mangkuk tingkat. Majlis telah mengedarkan sebanyak 5,000 mangkuk tingkat di lokasi bazar Ramadan di sekitar Petaling Jaya. Usaha ini merupakan galakan oleh Majlis supaya penduduk membawa bekas sendiri apabila membeli juadah di bazar Ramadan atau di restoran kerana ia lebih bersih dan mesra alam. Program ini dapat mengurangkan penggunaan beg plastik dan polistiren kerana tidak bersifat biodegradasi.

### 3.5 PERKHIDMATAN E-PAY

Dunia hari ini menyaksikan perkembangan dan perubahan pesat dalam bidang Teknologi Komunikasi Maklumat (ICT). Pelbagai inovasi telah dihasilkan sehingga membolehkan komunikasi dan interaksi manusia kini, lebih pantas dan cepat. ICT kini telah menjadi suatu wadah penting bagi interaksi pelbagai hala yang berkesan. Ledakan ICT yang lebih pantas telah mengubah paradigma masyarakat terhadap komunikasi di mana maklumat dan perkhidmatan dapat diperolehi dengan lebih cepat, hanya dihujung jari.

Mengikut laporan Nielsen, rakyat Malaysia merupakan antara pengguna internet yang paling aktif, di mana sekurang-kurangnya sebanyak 20 jam setiap minggu digunakan oleh setiap rakyat Malaysia untuk melayari teknologi maya ini.

MBPJ juga telah menyediakan saluran komunikasi perkhidmatan yang lebih mudah dan pantas melalui portal dan laman web supaya orang ramai dapat mengakses maklumat atau perkhidmatan dalam talian dengan cepat. Menyedari keperluan ini, MBPJ telah mula memperkenalkan perkhidmatan ePay pada tahun 2009. Ia bertujuan memberikan kemudahan kepada pelanggan-pelanggan MBPJ dan juga memberikan alternatif kepada mereka untuk membayar bil-bil MBPJ tanpa perlu datang ke kaunter bayaran. Perkhidmatan ePay ini bukan sahaja cepat dan mudah tetapi juga beroperasi 24 jam setiap hari dari mana-mana lokasi.

Melalui ePay, pengguna boleh menggunakan kad kredit, akaun individu atau pun akaun korporat untuk membuat bayaran. **Bil-bil yang boleh dibayar menggunakan perkhidmatan ePay adalah Cukai Taksiran, Lesen, Kompaun, Sewa, Tempahan, Deposit, Bil Pelbagai dan Bil Potong rumput.** Bank-bank yang terlibat adalah CIMB Bank, Bank Islam, Maybank, RHB Bank, Public Bank dan Hong Leong Bank.

Transaksi perkhidmatan ePay dari tahun 2009 sehingga 2013 merekodkan sejumlah 55,582 transaksi dengan jumlah kutipan sebanyak RM 10.3 juta. Manakala transaksi perkhidmatan dari Januari hingga Jun 2014 melibatkan transaksi seperti berikut:-

BULAN	BIL. TRANSAKSI	JUMLAH (RM)
Jan	1964	465,887.27
Feb	3149	1,123,943.47
Mac	1526	253,468.41
Apr	1638	185,838.75
Mei	1570	238,019.11
Jun	1430	200,998.91
<b>Jumlah</b>	<b>11,277</b>	<b>2,468,155.92</b>

Justeru itu, inovasi berterusan diperlukan dalam mempelbagaikan dimensi perkhidmatan yang ditawarkan serta memperluaskan perkhidmatan melalui sistem teknologi maklumat selaras dengan moto MBPJ Mesra, Cepat dan Tepat.

### 3.6 KEMPEN HAPUS DENGGI

Penularan wabak denggi telah berlaku dengan pantas ke seluruh pelusuk dunia tanpa mengira batas sempadan sesebuah negara. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), benua Asia Pasifik termasuk Negara-negara Asean turut menyumbang kepada 75% beban penyakit demam denggi secara keseluruhan. Peningkatan wabak denggi ini secara mendadak di seluruh dunia amat membimbangkan. WHO menganggarkan kira-kira 50 hingga 100 juta jangkitan denggi dijangka berlaku setiap tahun.

Pelbagai faktor yang menyumbang tehadap peningkatan kes denggi. Penggunaan kaedah *fogging* yang telah digunakan sejak 30 tahun yang lalu hanya mampu bertahan untuk jangka masa yang pendek sahaja. Kaedah ini telah mula digunakan sejak kes pertama demam denggi berdarah dikesan berlaku di Georgetown, Pulau Pinang pada tahun 1962 dan Kuala Lumpur pada tahun 1973.

Statistik Kementerian Kesihatan Malaysia mencatatkan dari bulan Januari hingga 7 Jun 2014, sejumlah 38,411 kes denggi dengan 75 kematian telah dilaporkan di seluruh negara berbanding 10,910 kes dengan 22 kematian dalam tempoh yang sama tahun 2013. Jumlah ini menunjukkan peningkatan kes sebanyak 252% dan kematian sebanyak 241%. Hakikatnya peningkatan kes ini bukanlah disebabkan peningkatan nyamuk Aedes semata-mata tetapi disebabkan pertambahan dan kepadatan penduduk khususnya di kawasan bandar. Wabak denggi tinggi di kawasan bandar kerana risiko manusia menyebar virus denggi adalah besar berbanding nyamuk. Nyamuk hanya mampu terbang sekitar 200 hingga 300 meter sahaja sedangkan manusia dengan kemudahan mobiliti boleh merebakkan penyakit demam denggi.

Di Negeri Selangor 9 lokasi hotspot denggi telah dikenalpasti iaitu di daerah Petaling, Hulu Langat, Gombak dan Klang. Bagi kawasan Petaling Jaya sebanyak 56 lokaliti wabak melibatkan 246 kes, manakala 20 lokaliti wabak hotspot dikenalpasti dengan bilangan kes sebanyak 561.

#### **LOKALITI WABAK HOTSPOT**

<b>BIL</b>	<b>LOKALITI WABAK HOTSPOT</b>	<b>BILANGAN KES</b>
1	SS 7	17
2	APT FLORA 1 PJU 8	26
3	APT FLORA 2 PJU 8	13
4	APT FLORA 3 PJU 8	16
5	APT SRI ARA PJU 1A	27
6	SS 2 (SELATAN)	75
7	TMN MEDAN PJS 2C	32
8	SS 3	18
9	TMN MEDAN PJS 2D	12
10	TMN SUBANG INDAH PJS 10	14
11	APT LESTARI PJU 10	15
12	ARA DAMANSARA PJU 1A	77
13	SEK 5 PJU 5	15
14	KELANA PUTERI KONDO SS 7	55
15	TOWER MAXWELL KONDO SEK 5	20
16	SS 2 (TIMUR)	31
17	SEK 6 PJU 5	44
18	SS 22	33
19	FLAT TMN MEDAN CAHAYA PJS 2C	11
20	KOMPLEKS KEDIAMAN KASTAM SS6	10
<b>JUMLAH KES</b>		<b>561</b>

Beliau menggesa semua penduduk dapat membuat pemeriksaan sendiri di dalam dan kawasan persekitaran rumah. Ini kerana hasil pemeriksaan mendapati bahawa pembiakan nyamuk aedes ini kebanyakannya adalah di dalam rumah dan bukannya di luar kawasan rumah seperti longkang. Penduduk diharapkan untuk meluangkan masa selama 10 minit seminggu bersama keluarga untuk membersihkan rumah masing-masing.

Dalam masa yang sama Jabatan Kesihatan Persekutuan melipatgandakan usaha membersihkan kawasan bagi membanteras nyamuk aedes khususnya bagi kawasan berpotensi pembiakan nyamuk.

### **3.7 KOMITMEN DALAM PENGURUSAN KUALITI ORGANISASI**

Dalam konteks global, penanda aras yang digunakan bagi pengurusan kualiti oleh organisasi dan agensi kerajaan adalah ISO 9001:2008, iaitu Sistem Pengurusan Kualiti yang telah diaplikasikan oleh lebih 170 buah negara di dunia. *International Organization for Standardisation* atau singkatannya ISO adalah bertujuan untuk menghasilkan siri standard yang boleh diguna pakai dalam semua jenis industri atau perkhidmatan di pelbagai negara seiring dengan kepelbagaian perkhidmatan dan pengeluaran.

Seiring itu Majlis telah memperolehi akreditasi ISO 9001:2008 dari badan persijilan Independent European Certification (IEC), bagi 4 proses utama iaitu Proses Kawalan Pembangunan, Proses Pengurusan Cukai Taksiran, Proses Pengurusan Lesen Perniagaan dan Proses Penyediaan & Penyelenggaraan Infrastruktur dan Kemudahan Awam, serta 17 proses sokongan. Majlis juga telah berjaya dalam tahap keakuran bagi sesi Audit Pematuhan yang telah diadakan pada bulan Jun yang lalu.

Beliau ingin mengingatkan bahawa pengurusan berkualiti hendaklah dicapai melalui perancangan yang strategik dalam persekitaran yang dinamik. Ianya merangkumi kualiti perkhidmatan dan kualiti sumber manusia. Kualiti tidak sahaja diukur dan dinilai pada daya pengeluaran dan penghasilan tetapi juga dinilai dengan kualiti insan yang dipertanggungjawabkan mengendalikan perkhidmatan yang diberi. Bagi mencapai objektif dan misi organisasi, modal insan perlu digembangkan dengan bersungguh-sungguh supaya ia dapat mencetuskan suatu daya pengurusan yang produktif, prihatin terhadap kehendak pelanggan, berkualiti tinggi dan menghasilkan perkhidmatan yang *zero defect* dan berdaya saing.

**OPERASI PUSAT SIBER KAFE**

MBPJ giat melaksanakan operasi pusat siber dan kafe siber tanpa lesen. Bermula Januari sehingga Julai 2014 sebanyak **590** serbuan telah berjaya dilaksanakan. Sebanyak **20** tindakan kompaun telah dibuat dan sitaan sebanyak **512** premis. Manakala sebanyak **8,019** mesin telah di sita. Operasi bersepada bersama Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) juga telah dilaksanakan dan **149** tangkapan telah dibuat di atas pelbagai kesalahan.

Operasi yang dijalankan adalah secara berterusan dan konsisten di bawah Undang-undang Kecil Pusat Siber dan Kafe Siber (MBPJ) 2007 dan boleh dikenakan kompaun minimum RM1,000.00 dan maksimum RM2,000.00 atau penjara tidak lebih 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

- 3.9 Hari ini merupakan hari ke-25 Ramadan. Dengan itu, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat meneruskan ibadah puasa dengan azam dan tekad untuk menjadikannya yang terbaik. Diharap semua muslimin dan muslimat khususnya warga MBPJ dapat meningkatkan lagi amalan pada malam-malam terakhir Ramadan dan seterusnya bersama-sama memohon doa agar memantapkan lagi hubungan sesama manusia, baik sebagai rakan sekerja, sahabat handai dan seterusnya sebagai khalifah di atas muka bumi ini dalam memakmurkan bumi Allah dengan penuh keikhlasan.

Jadikanlah amalan sedekah sebagai habit sihat dalam pembinaan rohani dan karakter yang cinta agama. Biarlah kita menjadi juara dalam segala aspek kehidupan supaya dengan itu ajaran Islam sesuai diamalkan oleh segenap lapisan masyarakat.

*'We make a living by what we get, but we make a life by what we give'*

Beliau ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Fitri dan Maaf Zahir Batin kepada semua muslimin dan muslimat dan berhati-hati di jalan raya ketika memandu pulang ke kampung halaman masing-masing dan selamat kembali bertugas.

Majlis juga merakamkan ucapan takziah kepada ahli keluarga penumpang dan anak kapal pesawat MH17 yang terhempas di Ukraine. Semoga dalam situasi tragedi yang menyedihkan ini, kita sama-sama mendoakan agar mereka tabah menghadapi keadaan yang sukar ini. Marilah kita sedekahkan Al-Fatihah bagi yang beragama Islam, yang lain-lainnya mengikut cara masing-masing.

**SULIT****4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA:-****4.1 MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA BILANGAN 5 TAHUN 2014 (SESI 2014/2015)**

4.1.1 Minit Mesyuarat Majlis bilangan 5 Tahun 2014 bertarikh 27 Jun 2014 telah diluluskan dengan tambahan dan tambahan ayat bagi perkara 6.7.2 di muka surat 20 iaitu

6.7.2 Berkaitan isu PJ Master Traffic Plan, .....

4.1.2 Mesyuarat turut mengambil maklum berkaitan aduan daripada Encik Oon Chong Ling di mana pandangan dan idea yang disalurkan oleh beliau di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar telah tidak diminitkan. Mesyuarat turut memutuskan agar Urusetia Mesyuarat lebih peka terhadap pandangan dan idea yang diutarakan agar diminitkan dan diambil tindakan.

Encik Oon Chong Ling telah memberi pandangan berkaitan kos penyelenggaraan di Bangalore, India di mana hasil kajian beliau di laman web, terdapat orang perseorangan yang membersihkan sampah sarap. Setelah kerja-kerja pembersihan dilakukan, mereka tidak meninggalkan kawasan tersebut kosong malah mencantikkan kawasan tersebut dan menjadikannya sebagai tempat meletak kereta. Berbanding senario di Petaling Jaya sebagai contohnya di PJS 4. Kawasan pembuangan sampah telah dibersihkan dan cadangan menjadikan tempat tersebut sebagai tempat letak kereta telah dipersetujui. Akan tetapi pelaksanaan cadangan adalah terlalu lama dan menyebabkan kawasan tersebut menjadi kawasan pembuangan sampah semula. Keadaan ini akan meningkatkan lagi kos penyelenggaraan sampah di kawasan tersebut. Sehubungan dengan itu, segala cadangan yang telah dipersetujui hendaklah dilaksanakan dengan segera.

**Tindakan:** **Pengarah, Jabatan Landskap dan Pengindahan Bandar, MBPJ,**  
**Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ,**  
**Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekutaran, MBPJ.**



**SULIT****5.0 LAPORAN MAKLUMBALAS KE ATAS MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 4 TAHUN 2014 YANG TELAH DIADAKAN PADA 29 MEI 2014.**

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
6.7.1	<p>Puan Sia Siew Chin membangkitkan beberapa perkara berkaitan kemudahan OKU seperti berikut:-</p> <p>b) Terdapat tempat letak kereta OKU di PJ State</p> <p>c) Kemudahan untuk menekan butang untuk lintasan pejalan kaki di PJ State.</p>	<p>Buat masa ini terdapat 3 petak Tempat Letak Kereta OKU di sekitar Pusat Bandar Seksyen 52 dan Majlis akan menambah sebanyak 10 buah lagi kemudahan tersebut menjelang akhir tahun ini.</p> <p>1 unit tempat letak kereta OKU yang dibatalkan hasil projek Boulevard akan digantikan di lokasi yang baru iaitu di hadapan Chatime.</p> <p>Kemudahan '<i>push button</i>' yang berketinggian 1000mm telah pun disediakan di lampu isyarat sedia ada bagi lintasan di Jalan Yong Shook Lin bersesuaian dengan rekabentuk dan spesifikasi Universal Design.</p> <p>Menurut Puan Sia Siew Chin '<i>push button</i>' yang disediakan memang bersesuaian dengan rekabentuk dan spesifikasi Universal Design akan tetapi terlalu jauh memandangkan terdapat halangan di situ. Sehubungan dengan itu, beliau berharap agar perkara ini dikaji semula bagi menjaga kebajikan warga OKU.</p>



**SULIT**

<b>RUJUKAN MINIT</b>	<b>PERKARA</b>	<b>TINDAKAN YANG DIAMBIL</b>
	Mesyuarat turut memutuskan agar Audit dibuat bagi memastikan kemudahan sedia ada tidak hilang.	Audit kemudahan OKU akan dilaksanakan dari masa ke semasa bersama jabatan-jabatan teknikal selaras dengan pelaksanaan projek Livable City @ Section 52.
6.7.2	<b>CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MAMPAN BERTARIKH 24 JUN 2014.</b> <ul style="list-style-type: none"><li>- Berkaitan isu PJ City, Pengarah Jabatan Kejuruteraan akan menjemput Ahli Majlis ke taklimat yang akan diadakan pada minggu hadapan.</li></ul>	Taklimat yang bertajuk Senario Lalulintas di Petaling Jaya telah diadakan pada 08 Julai 2014 yang mana pada masa yang sama turut diadakan Sidang Media berkenaan kajian pengangkutan di Petaling Jaya.  Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa ramai Ahli Majlis tidak hadir ke taklimat yang merupakan kali kedua diadakan.
7.4.1	<b>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK AZIZI BIN ARIFFIN</b> <ul style="list-style-type: none"><li>- Beliau berharap agar Jabatan Perancangan Pembangunan membuat 'post mortem' bersama Ahli Majlis hasil daripada Festival Antarabangsa Petaling Jaya 2014 – Kesenian Rakyat yang telah diadakan pada 17 – 23 Jun 2014.</li></ul>	Jabatan Perancangan Pembangunan akan menjemput Ahli-Ahli Majlis terlibat setelah tarikh bagi mengadakan "post mortem" tersebut ditetapkan. Pada masa ini, 5 Jawatankuasa Kerja yang ditubuhkan bagi penganjuran "PJ International Folklore Festival 2014" telah dimaklumkan untuk menyediakan laporan masing-masing.



<b>RUJUKAN MINIT</b>	<b>PERKARA</b>	<b>TINDAKAN YANG DIAMBIL</b>
7.4.2	- Berkaitan musibah baru-baru ini di SS 7 di mana kren jatuh di atas kenderaan orang awam.	Perkara tersebut adalah dibawah bidang kuasa Jabatan Kerja Raya.
7.5.1	<b>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK ARIFFIN BIN MAHAIYUDDIN</b> - Bagi kawasan PJS, beliau berharap agar Jabatan berkaitan memantau jalanraya di belakang sekolah yang sepatutnya siap pada 15hb akan tetapi masih belum siap sepenuhnya.	Jabatan Kejuruteraan mengesahkan status kerja di tapak adalah 80% siap. Kerja dijangka siap sepenuhnya pada penghujung bulan Julai 2014.
7.5.2	- Selain daripada itu beliau berharap agar masalah longkang di Jalan 2/3 dapat diatasi.	Jangka masa panjang – Jabatan Kejuruteraan akan menjalankan kerja-kerja menaiktaraf longkang di Jalan 2/3 dan kerja tersebut akan disenaraikan dalam Projek Pembangunan Tahun 2015.  Jangka masa pendek – Jabatan Kejuruteraan telah dimaklumkan oleh Jabatan Kesihatan bahawa kerja-kerja pembersihan longkang di Jalan 2/3 dilakukan dua (2) kali seminggu oleh kontraktor sedia ada mengikut jadual bagi mengatasi masalah longkang tersumbat dan banjir yang sering berlaku di kawasan tersebut.

**SULIT**

<b>RUJUKAN MINIT</b>	<b>PERKARA</b>	<b>TINDAKAN YANG DIAMBIL</b>
7.5.3	<ul style="list-style-type: none"><li>- Di jalan PJS 2D pula terdapat masalah sampah haram</li><li>- dan di PJCC pula pusat judi semakin berkembang.</li></ul>	<p>Jabatan Kesihatan dan persekitaran telah meletakkan sebuah tong sampah roro mulai bulan Mac tahun ini, selepas lawatan bersama YB. Puan Haniza binti Mohamed Talha dan Ahli Majlis di tapak PJS2D/8. Ini untuk membantu kutipan sampah dan mengurangkan pembuangan sampah haram dari melimpah ke atas jalan. CCTV juga telah dipasang mulai bulan April 2014 tetapi malangnya telah dirosakkan oleh penduduk setempat.</p> <p>Jabatan juga membersihkan tapak tersebut setiap hari Jumaat dan baru-baru ini mempergiatkan pembersihan 2 kali seminggu.</p> <p>Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan pula telah menjalankan operasi bagi menangani isu pusat siber dan kafe siber tanpa lesen.</p> <p>Hasil pemeriksaan oleh pihak Jabatan mendapati 60 premis yang menjalankan aktiviti pusat siber dan kafe siber tanpa lesen sah dari pihak Majlis di zon 18 yang meliputi kawasan PJS 2, PJS 4 dan PJS 5 (PJCC).</p>



**SULIT**

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
		<p>Pihak Jabatan telah mengambil tindakan berulang kali penguatkuasaan terhadap pemilik premis berkenaan bermula Januari 2014 sehingga kini di mana sebanyak 3 kompaun telah dikeluarkan di bawah pelbagai kesalahan dan sebanyak 34 premis disita melibatkan barang sitaan seperti 1,015 monitor dan 1,003 CPU.</p> <p>Sementara itu, operasi bersepadu bersama Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) juga telah dilaksanakan.</p> <p>Hasil pemeriksaan yang terkini mendapati 4 premis berkenaan telah menghentikan perniagaan dan operasi susulan masih dilaksanakan bagi mengatasi masalah tersebut.</p> <p>Selain daripada itu, bagi isu Bazaar Ramadhan pula, Jabatan telah menjalankan operasi bersama Jabatan Imigresen pada 9 Julai 2014 dan tangkapan seramai 7 orang warga Indonesia telah dibuat. Manakala operasi bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat telah diadakan pada 22 Julai 2014 melibatkan pasarpasar di sekitar Petaling Jaya.</p>



**SULIT**

**6. MENIMBANGKAN CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS**

**6.1 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA BANTAHAN NILAIAN HARTA BERTARIKH 3 JULAI 2014.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/8 JLD. 3 (33)]**

6.1.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah Jabatan Penilaian Harta, MBPJ.**

**6.2 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TENDER BERTARIKH 24 JUN 2014, 4 JULAI 2014, 9 JULAI 2014 DAN 16 JULAI 2014.**

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (38)]

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (40)]

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (42)]

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (44)]

6.2.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Juruukur Bahan, MBPJ.**

**6.3 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALULINTAS BERTARIKH 9 JULAI 2014.**

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/9 JLD. 2 (9)]

6.3.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.**

**6.4 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BERTARIKH 9 JULAI 2014.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/7 JLD. 2 (31)]**

6.4.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekitaran, MBPJ.**



6.5

**CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN KORPORAT BERTARIKH 10 JULAI 2014.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/15 (114)]**

6.5.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Unit Audit Dalam, MBPJ.**

6.6

**CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN, PERKHIDMATAN KORPORAT DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BERTARIKH 16 JUN 2014.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 JLD 2 (75)]**

6.6.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.**

6.6.2 Mesyuarat mengambil maklum berkaitan status sistem aduan di mana minggu ke dua bulan Ogos sistem ini akan diuji dan pembentangan berkaitan status sistem akan dibuat pada Mesyuarat Majlis bulan Ogos.

6.7.1

**CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BERTARIKH 11 JULAI 2014 DAN 18 JULAI 2014.**

**[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 4 (30)]**

**[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 4 (32)]**

6.7.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Ketua Unit OSC, MBPJ.**

6.8

**CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BERTARIKH 17 JULAI 2014.**

**[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/21 (43)]**

6.8.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Landskap dan Kehijauan Bandar, MBPJ.**



**CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA  
PEMBANGUNAN MAMPAN BERTARIKH 17 JULAI 2014.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/14 JLD. 2 (9)]**

6.9.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas dengan tambahan ayat yang tidak diminitkan bagi muka surat 13 perkara 4.8.2.3 iaitu:-

- ii) Mesyuarat turut bersetuju untuk menubuhkan jawatankuasa kecil pembangunan semula Pasar Besar Jalan Othman.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan dan Pembangunan, MBPJ.**

6.9.2 Mesyuarat turut mengambil maklum bahawa bagi perkara 6.1.1 di muka surat 27, urusetia bagi Jawatankuasa Task Force Khas bagi kawasan SS2 adalah Pengarah Jabatan Perancangan dan Pembangunan.

**6.10 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA  
KEWANGAN BERTARIKH 21 JULAI 2014.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/2 JLD 3 (12)]**

6.10.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perpendaharaan, MBPJ.**

**6.11 CADANGAN MINIT MESYUARAT PIHAK BERKUASA MELANTIK  
BERTARIKH 21 JULAI 2014.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/17 (95)]**

6.11.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.**

**SULIT****7.0 UCAPAN PENANGGUHAN****7.1 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH TUAN IR LEE SUET SEN**

- 7.1.1 Berkaitan isu PJ Master Traffic Plan, beliau berharap agar taklimat diadakan bagi memberi penerangan kepada orang awam.

**Tindakan : Pengarah Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.**

**7.2 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK TANG FUIE KOH**

- 7.2.1 Beliau meminta maklumbalas berkaitan projek Kelana Idaman dan Jalan Harapan.

**Tindakan : Pengarah Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.**

**7.3 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH PUAN CYNTHIA GABRIEL**

- 7.3.1 Beliau berharap agar Laporan Laguna dihantar segera agar masalah yang timbul dapat diselesaikan segera.

**Tindakan : Pengarah, Audit Dalam, MBPJ.**

**7.4 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK TONY CHEONG SIEW THONG**

- 7.4.1 Beliau merujuk gambar yang diedarkan di mana kontraktor yang membuat longkang di Seksyen 18/3A tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan longkang tersebut tidak lurus. Keadaan ini telah menyebabkan penduduk mengadu kepada beliau.

- 7.4.2 Selain daripada itu kontraktor yang dilantik juga tidak meletakkan papan notis pemberitahuan kerja-kerja sedang dijalankan.

**Tindakan : Pengarah Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.**

- 7.4.3 Beliau berharap agar Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat membuat siasatan ke atas kes ini.

**Tindakan : Pengarah Audit Dalam, MBPJ.**



**PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK SURIASE A/L GENGIAH**

- 7.5.1 Beliau mencadangkan agar tapak gerai-gerai haram yang dipindahkan di cantikkan dengan landskap dan kerja-kerja ini perlu disegerakan bagi mengelakkan gerai-gerai haram didirikan semula.

**Tindakan : Pengarah Jabatan Landskap dan Kehijauan Bandar, MBPJ.**

**7.6 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK HALIMEY BIN ABU BAKAR**

- 7.6.1 Beliau memaklumkan bahawa penduduk Desa Mentari akan mengadakan tunjuk perasaan berkaitan masalah lif di Blok 2. Sehubungan dengan itu beliau meminta agar pengarah unit COB memberi maklumbalas berkaitan perkara tersebut.

**Tindakan : Pengarah Unit COB, MBPJ.**

**7.7 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK ARIFFIN BIN MAHAYUDDIN**

- 7.7.1 Beliau mengucapkan terima kasih kepada Pengarah Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan kerana telah mengatasi masalah kesesakan jalan di PJS 1/6 dimana pekedai-pekedai telah meletakkan barang peniagaan mereka di dalam kedai.

- 7.7.2 Beliau turut membangkitkan masalah sampah pukal di rumah pangsa kos rendah yang tidak dikutip.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekitaran, MBPJ.**

- 7.7.3 Akhir sekali beliau mengucapkan Selamat Hari Raya kepada semua.

**7.8 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH TUAN DR. STRERAM A/L SINNASAMY**

- 7.8.1 Beliau menyokong cadangan untuk menjadikan tempat pembuangan sampah haram yang telah dibersihkan kepada tempat meletak kereta awam bagi persediaan Bajet 2015.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekitaran, MBPJ  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.**



**PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK OON CHONG LING**

7.9.1 Beliau berpendapat bahawa bagi mengurangkan masalah sampah, cara terbaik adalah memberi pendidikan kepada orang awam sama ada saman atau seminar.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekitaran, MBPJ  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.**

**7.10 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH Y.M. PUAN RAJA FAIRUZ BINTI RAZA MAZLAN**

7.10.1 Bagi mengatasi masalah sampah, beliau berharap agar jabatan/bahagian bekerjasama di antara satu sama lain untuk mengatasinya. Selain daripada itu setiap jabatan/bahagian hendaklah hadir atau menghantar wakil ke Mesyuarat Jawatankuasa terlibat bagi mengambil maklum atau tindakan ke atas segala perkara yang dibangkitkan.

7.10.2 Beliau turut berharap Jabatan Kejuruteraan melihat semula mendapan tanah di Jalan PJS 1/21 di mana mendapan tersebut dari tangki najis berdekatan. Harap tindakan segera diambil.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.**

7.10.3 Seterusnya beliau mengucapkan Selamat Hari Raya kepada semua yang hadir.

**7.11 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK AZRI BIN MOHAMAD ARISH**

7.11.1 Beliau membangkitkan tiga (3) perkara utama yang perlu dititik beratkan di dalam aktiviti Majlis dan Ahli Majlis iaitu:-

- a) Infrastruktur
- b) Sampah
- c) Keselamatan

7.11.2 Beliau berharap agar Majlis bersiap sedia dengan kehadiran musim Almino yang akan melanda Negara kita. Persiapan rapi seperti menambah dan menempatkan tangki-tangki air di tempat-tempat strategik perlu dilakukan.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.**

**7.12 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK JEYASEELAN  
A/L T. ANTHONY**

- 7.12.1 Beliau memaklumkan terdapat vandalisme di Kubur Kristian di Jalan 229 di mana kubur telah dipecahkan dan kejadian ini bertambah serius.
- 7.12.2 Memandangkan ketinggian tembok di kawasan kubur tersebut hanya 5 kaki dan membolehkan mereka melompat ke dalam kawasan kubur tersebut maka beliau mencadangkan agar tembok tersebut dipasang dawai berduri.
- 7.12.3 Selain daripada itu beliau berharap agar pintu pagar yang telah dirosakkan diganti segera. Menurut beliau lagi kontraktor yang dilantik mengambil masa dua (2) minggu dan lebih untuk membaiki kerosakan tersebut. Sehubungan dengan itu mesyuarat memutuskan agar Jabatan Kejuruteraan membina semula pagar tersebut menggunakan peruntukan di bawah RM20,000.00. Kerja-kerja tersebut hendaklah disiapkan dengan segera dan kurang daripada dua minggu bagi mengelakkan kejadian vandalisme berulang di kawasan tersebut.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.**

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.32 petang. YBhg. Datin Paduka Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran Ahli Mesyuarat.



**(PUASA BIN MD TAIB),**  
Setiausaha,  
b.p. Datuk Bandar,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Bertarikh : 11 Ogos 2014



**LAMPIRAN KEHADIRAN****HADIR:**

- |     |   |   |           |
|-----|---|---|-----------|
| 01. | YBhg. Datin Paduka Alinah binti Ahmad,<br>Datuk Bandar, MBPJ. | - | Pengerusi |
| 02. | Tuan Puasa bin Md. Taib,<br>Timbalan Datuk Bandar, MBPJ.      |   |           |
| 03. | Tuan Ir. Lee Suet Sen,<br>Ahli Majlis, MBPJ.                  |   |           |
| 04. | Encik Tang Fuie Koh,<br>Ahli Majlis, MBPJ.                    |   |           |
| 05. | Puan Cynthia Gabriel,<br>Ahli Majlis, MBPJ.                   |   |           |
| 06. | Encik Jeyaseelen a/l T Anthony,<br>Ahli Majlis, MBPJ.         |   |           |
| 07. | Encik Tony Cheong Siew Thong,<br>Ahli Majlis, MBPJ.           |   |           |
| 08. | Encik Azri bin Mohamad Arish,<br>Ahli Majlis, MBPJ.           |   |           |
| 09. | Encik Suriase a/l Gengiah,<br>Ahli Majlis, MBPJ.              |   |           |
| 10. | Y.M Raja Fairuz binti Raja Mazlan,<br>Ahli Majlis, MBPJ.      |   |           |
| 11. | Encik Teh Chi-Chang,<br>Ahli Majlis, MBPJ.                    |   |           |
| 12. | Encik Oon Chong Ling,<br>Ahli Majlis, MBPJ.                   |   |           |
| 13. | Encik Ang Ming Ern,<br>Ahli Majlis, MBPJ.                     |   |           |
| 14. | Tuan Dr. Streram a/l Sinnasamy,<br>Ahli Majlis, MBPJ.         |   |           |



15. Encik Halimey bin Abu Bakar,  
Ahli Majlis, MBPJ.
16. Encik Ariffin bin Mahaiyuddin,  
Ahli Majlis, MBPJ.
17. Encik Azizi bin Ariffin,  
Ahli Majlis, MBPJ.
18. Puan Sia Siew Chin,  
Ahli Majlis, MBPJ.

**HADIR BERSAMA:**

01. Encik Mohamad Rosnani bin Haji Hamid,  
Wakil Timbalan Setiausaha,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Hajah Sa'diyah binti Khasiman,  
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.
03. Puan Sharipah Marhaini binti Syed Ali,  
Pengarah, Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.
04. Tuan Ir. Ismail bin Shafie,  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
05. Y.Bhg Datin Sr. Amreeta Kaur, MISM,  
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.
06. Encik Aznan bin Haji Hassan,  
Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ.
07. Puan Hamidah binti Ariffin,  
Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.
08. Puan Zuraidah binti Sainan,  
Pengarah, Jabatan Landskap dan Kehijauan Bandar, MBPJ.
09. Puan Dr. Chithradavi a/p N Vadivelu,  
Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekutaran, MBPJ.
10. Encik Tun Mohd Izlizam bin Bahardin,  
Wakil Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan, MBPJ.



**SULIT**

11. Puan Norzita binti Mokhtar,  
Wakil Pengarah (Undang-undang), Unit Perundangan, MBPJ.
12. Puan Haniza binti Abdul Hamid,  
Pengarah (Perhubungan Awam), Unit Perhubungan Awam, MBPJ.
13. Encik Ainul Adnan bin Abdul Rahaman,  
Pengarah Audit Dalam, Unit Audit Dalam, MBPJ.
14. Y.M Tengku Nazaruddin bin Tengku Zainuddin,  
Pengarah Aduan Awam, Unit Aduan Awam, MBPJ.
15. Encik Lee Lih Shyan,  
Ketua Unit Pusat Setempat (OSC), MBPJ.
16. Cik Norshabani binti Johari,  
Ketua Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB), MBPJ.
17. Encik Samsul Bahari bin Nonchi,  
Timbalan Pengarah (Teknologi Maklumat),  
Bahagian Teknologi Maklumat, MBPJ.
18. Puan Hajah Sharinaz binti Haji Samsudin,  
Timbalan Pengarah (Pelesenan), Bahagian Pelesenan, MBPJ.
19. Puan Saliza binti Mohd. Masri,  
Penolong Pengarah Kanan (Tender dan Kontrak),  
Bahagian Tender dan Kontrak, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
20. Tuan Haji Ahmad Johari bin Salleh,  
Penolong Pengarah Kanan (Korporat),  
Unit Korporat dan Inovasi, MBPJ.
21. Puan Azizah binti Haji Kosni,  
Penolong Pengarah Kanan (Pentadbiran Am),  
Bahagian Pentadbiran Am, MBPJ.

**AHLI PARLIMEN/ADUN:**

01. Encik Billy Wong,  
Wakil Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara.
02. Encik Chan Kien Fatt,  
Wakil ADUN Damansara Utama.



01. Puan Haslida binti Samat,  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Urusetia),  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Sunita binti Saad,  
Pembantu Tadbir Kanan,  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
03. Encik Mohd. Sakri bin Md Zin,  
Pembantu Tadbir,  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
04. Puan Suriyati binti Othman,  
Pembantu Tadbir,  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.